

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

SOALAN :

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

- a) Adakah FELDA memberi setiap peneroka RM15,000 setiap orang bagi tahun 2015 seperti yang dinyatakan oleh seorang pegawai tinggi FELDA ; dan
- b) Berapa jumlah hutang peneroka dan berapa ramai yang berhutang untuk membeli saham FGV.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015 FELDA tidak memberi sebarang bayaran berjumlah RM15,000 kepada setiap peneroka. FELDA hanya pernah memberi saguhati ('Durian Runtuh') sebanyak RM15,000 kepada peneroka sempena penyenaian FGV pada akhir tahun 2012.

Seramai 94,215 orang peneroka yang masih memegang saham FGV iaitu sebanyak 75.3 juta unit saham. FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka iaitu sebanyak 800 unit pada harga kos RM3,650 dan termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka dibenarkan membuat jualan dan berhak mendapat dividen yang di umumkan oleh FGV.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]

**SOALAN : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan**

- (a) berapakah kadar pemutuan yang dikenakan ke atas penanam dan penjual padi ke kilang-kilang beras BERNAS; dan
- (b) 'recovery rate' (secara purata) di kilang beras BERNAS berbanding dengan kilang beras swasta atau persendirian.

JAWAPAN

- (a) Pemutuan sebenar padi adalah perkiraan yang selaras dengan Piawaian Spesifikasi dan Penggredan Padi (MS 84: 1998). Melalui kaedah pemutuan tersebut, kandungan wap basah (moisture content), padi rosak, padi muda dan bendasing akan dikira bagi menentukan kualiti sebenar padi yang dihasilkan. Objektif pelaksanaan pemutuan sebenar ini adalah bagi menggalakkan amalan pertanian yang baik (GAP) di kalangan petani bagi menghasilkan padi yang berkualiti tinggi.

Pemutuan sebenar bukanlah sesuatu angka yang telah ditetapkan atau boleh ditetapkan memandangkan ianya dilaksanakan mengikut kaedah tertentu dengan kaedah persampelan menggunakan tertentu seperti alat penimbang dan pengukur kelembapan. Sehubungan itu, kadar pemutuan adalah berbeza-beza mengikut kualiti padi yang dihantar.

- b) Secara purata, 'graded rice recovery' atau perolehan beras di kilang-kilang BERNAS adalah disekitar 65% hingga 67% berdasarkan berat padi dengan pemutuan sebenar. Kadar ini adalah setara dengan perolehan beras di kilang-kilang swasta.